

## **Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes**

*Ungku Maimunah Mohd. Tahir*  
[ungkumaimunah@yahoo.com](mailto:ungkumaimunah@yahoo.com)  
*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **Abstrak**

Dalam kesusasteraan Melayu, teori Barat rata-rata menjadi pilihan sebagai kerangka analisis untuk merungkai novel Melayu. Antara teori Barat yang disenangi terutama dalam kalangan pengkritik wanita ialah teori feminis, dan Prof. Madya Dr Siti Hajar Che Man adalah antara pengamal teori ini yang agak konsisten. Dalam dua buah kertas kerjanya Siti Hajar memanfaatkan teori feminis untuk merungkai novel Azizi Haji Abdullah *Harga sebuah maruah* yang memenangi Sayembara Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007. Menurut Siti Hajar, melalui novel ini Azizi telah memecahkan kepompong patriarki, membebaskan watak wanitanya, Cah, untuk diketengahkan dan diperkasakan, dan dengan itu Azizi telah melakukan satu anjakan dalam kesusasteraan Melayu. Makalah ini menggunakan beberapa idea utama gagasan persuratan baru sebagai kerangka analisisnya, khususnya yang membezakan antara ilmu dan cerita, dengan menekankan penggunaan wacana sebagai wadah untuk mengungkapkan ilmu. Makalah ini meneliti dua kertas kerja tersebut untuk melihat sejauh mana teori feminis diperlukan untuk mencungkil penemuan yang diperkatakan itu, di samping melihat sejauh mana penemuan atau dakwaan tersebut dapat dipertanggungjawabkan dari segi ilmiah. Makalah ini berpendapat teori feminis sesungguhnya tidak diperlukan untuk merungkai *Hsm* sementara penemuan yang diketengahkan itu tidak mempunyai asas akademik dan sukar diterima.

**Katakunci:** feminisme; feminis; cerita; ilmu; persuratan baru

## **When A Feminist Theory Is Decidedly Superfluous: A Case Study**

### **Abstract**

Malay critics largely favour Western literary theories as analytical frameworks of choice to deconstruct Malay novels. Feminist theories are often a favourite particularly among Malay women literary critics, among whom Associate Prof. Dr Siti Hajar Che Man ranks as one of their more consistent users. In two working papers, Siti Hajar uses a feminist theory to analyse Azizi Haji Abdullah's *Harga sebuah maruah*, a winning entry of the novel-writing competition to commemorate Dewan Bahasa dan Pustaka's golden jubilee celebration in 2007. According to Siti Hajar, *Harga sebuah maruah* sees Azizi dismantling the patriarchal cocoon to free his woman protagonist, Cah, then centre-stage and empower her, and in so doing effect a paradigm shift in Malay literature. This article uses as its analytical framework several main ideas of persuratan baru, which make a

distinction between knowledge and story and emphasise discourse as the vehicle to body forth knowledge. It examines the two working papers to determine whether a feminist theory is called for, and whether the findings thus reached are academically sound. This article argues that the use of a feminist theory is decidedly superfluous, while the findings are academically untenable.

**Keywords:** feminism; feminist; story; knowledge; persuratan baru

## **Mukadimah**

Penggunaan teori Barat sebagai kerangka analisis khususnya untuk urusan kritikan teks sastra adalah satu perkara yang lumrah dalam konteks sastra Melayu (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2009, 2010a; Mohd. Affandi Hassan, 2010). Antara teori Barat yang disenangi dan diguna pakai ialah teori feminis yang berkembang secara pesat di Barat selepas mendapat suntikan daripada “gerakan wanita” (*women’s movement*) 1960-an. Di Malaysia, teori feminis mendapat sambutan, terutama dalam kalangan pengkritik wanita, dan antara sarjana yang sering dilihat sebagai pengamal teori feminis ialah Prof. Madya Dr Siti Hajar Che Man, seperti yang terserlah pada judul bukunya, *Esei-esei kritikan feminis dalam kesusasteraan Melayu* (2007), di samping cubaan beliau mengajukan apa yang diperikan sebagai teori jiwa dan minda wanita, iaitu ‘teori’ yang menurut beliau mengambil kira aspek agama dan adat, dan oleh itu tidak melihat lelaki sebagai “musuh” (2010b). Justeru, makalah ini meneliti dua buah kertas kerja beliau yang menggunakan teori feminis untuk merungkai novel hasil nukilan Azizi Haji Abdullah berjudul *Harga sebuah maruah* (seterusnya *Hsm*), pemenang kedua Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka 2007 yang merangkul hadiah wang tunai berjumlah RM 40,000.00 (Zalila Sharif, 2007). Kedua-dua kertas kerja tersebut iaitu ‘Keperkasaan wanita dalam *Harga sebuah maruah*’ (Siti Hajar, 2009) dan ‘Jiwa raga wanita: memahami dan menyelami pemikiran Azizi Hj. Abdullah dalam novel-novel terpilih’ (Siti Hajar, 2010a) merumuskan *Hsm* adalah “sebuah novel yang lengkap” (2009, hlm. 6) dan merupakan novel Azizi yang “terhebat dan terhangat” (2010a, hlm. 1) kerana melalui Cah, protagonis novel ini, Azizi dikatakan berjaya memecahkan kepompong patriarki dan muncul sebagai penulis lelaki yang tidak lagi mengamalkan model androsentrik atau tertumpu kepada lelaki, malah mengetengah dan memperkasakan wanita, dan ini adalah “pemikiran” Azizi, yang dengannya beliau telah membuat satu anjakan. Makalah ini bertujuan untuk melihat sejauh mana teori feminis itu diperlukan untuk mengetengahkan penemuan yang diperkatakan itu, di samping melihat sejauh mana penemuan atau dakwaan tersebut dapat dipertanggungjawabkan dari segi ilmiah. Untuk tujuan itu makalah ini akan memanfaatkan sebagai titik tolak analisisnya beberapa idea utama gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya MAH), terutama yang berkaitan dengan ilmu, cerita dan kedudukan cerita dalam karya kreatif.

## **Gagasan Persuratan Baru sebagai Kerangka Analisis**

Korpus tentang gagasan PB sekarang agak lumayan jumlahnya, tidak sukar untuk mendapatkannya dan terkini pula maklumatnya, terutama dengan adanya blog PB (<http://www.pbaru.blogspot.com/>) yang dikendalikan sendiri oleh MAH, dan oleh itu  
ISSN: 1675-8021

mampu memberi pemahaman kepada pembaca (Mohd. Affandi Hassan 2010, 2008, 1997,1994, 1992 ; Ungku Maimunah Mohd. Tahir 2010a, 2010b, 2009, 2007; Mohd. Zariat Abdul Rani 2010, 2004.) Namun untuk tujuan makalah ini, beberapa perkara yang berkaitan dengan tumpuan makalah ini akan dibincangkan secara ringkas.

MAH membahagikan perbincangan beliau tentang gagasan tersebut kepada tiga perkara pokok iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, serta hakikat dan fungsi sastera. Merujuk kepada hakikat insan, PB meletakkan taklif atau pertanggungjawaban dan akauntabiliti sebagai premis utama yang mencorakkan segala hujahnya. Ini dengan jelas mengejapkan tugas manusia sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi, serta implikasi tuntutan tanggungjawab dan akauntabiliti dwitugas tersebut, seperti yang termaklum dalam Al-Qur'an (51:56.) "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku." Beralih kepada hakikat ilmu, PB menekankan peri pentingnya ilmu serta kedudukannya yang tinggi dalam Islam. MAH memperuntukkan bahasan yang panjang lebar untuk mengejapkan peri pentingnya ilmu di sisi Islam. Memadailah di sini disimpulkan kepentingan ilmu ini dengan merujuk kepada sebuah hadis yang dipetik oleh Rahmah Ahmad Othman (2010, hlm. 29), "... dan sesungguhnya keutamaan darjat seorang alim (ahli ilmu) ke atas seorang abid (ahli ibadah) seperti keutamaan bulan purnama berbanding bintang-bintang..." Seterusnya, ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu yang benar, yang bersumberkan Al-Qur'an dan Hadis, yakni wahyu, petunjuk dan pemberian langsung daripada Allah SWT, mutlak dan pasti sifatnya. Ini berbeza dengan ilmu yang diperolehi melalui akal dan pengalaman manusia, yang terhasil daripada proses mental untuk mempelajari, mentafsir dan memahami. Ilmu kognitif begini dengan sendirinya menjadikannya terbatas dan juga relatif, dan perlu disandarkan kepada ilmu wahyu yang pasti dan mutlak itu tadi untuk menjadikannya ilmu yang benar. Inilah yang menjadi pegangan PB apabila menekankan ilmu yang benar sebagai titik tolaknya.

Kedudukan ilmu yang demikian, yang disertai dengan amal sebagai satu hakikat yang utuh, mengundang agar ilmu diberi prioriti dan tumpuan yang sewajarnya dalam apa jua amalan yang dilaksanakan, termasuklah dalam kegiatan penulisan, sama ada tulisan kreatif atau kritikan. Sehubungan dengan itu, penelitian tentang kisah Nabi Yusuf yang dilakukan oleh para sarjana tanpa kecuali menyerlahkan penyampaian pengajaran, nasihat, amanat dan seumpamanya sebagai matlamat pengisahan cerita. Dalam konteks inilah cerita hadir sebagai satu kisah yang terkawal dan beradab, dengan fungsinya yang jelas dan tertentu, yakni untuk menyampaikan ilmu yang benar. Hakikat ini dapat dilihat dalam Surah Yusuf (12:111) itu sendiri, khususnya dalam ayat terakhir: "Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman". Kefahaman tentang cerita seperti inilah yang menjadi antara teras utama PB.

Dalam menangani soal ilmu dan cerita ini secara praktis dalam karya kreatif dan kritikan, PB menurunkan beberapa prinsip serta garis kefahaman yang penting. Antaranya ialah *membezakan* ilmu dengan cerita. Lanjutan daripada membezakan dua perkara ini, ilmu

dan cerita diperuntukkan *kedudukan*, *fungsi* dan *bentuk kehadiran* yang berbeza dalam sesebuah naratif. *Kedudukan* ilmu lebih tinggi daripada cerita, dan hierarki inilah yang menjadi antara ciri yang membezakan karya persuratan seperti yang disarankan oleh PB, daripada karya sastera. Ini sekali gus menjadikan penyerlahan ilmu, pemikiran, idea dan hujahan sebagai *urusan hakiki* karya kreatif ala persuratan.

Kedudukan ilmu di tahap tertinggi itu menjadikan *fungsi* ilmu sebagai penentu dan pencorak cerita, bukan sebaliknya. Ini bererti ilmu yang ingin diketengahkan itu menentukan pilihan komponen-komponen naratif yang membangunkan cerita seperti watak, plot, peristiwa dan sebagainya. Pilihan tersebut pula didasarkan kepada kemampuan dan kesesuaian komponen berkenaan untuk memungkinkan ilmu atau pemikiran (dalam bentuk wacana yang akan dibincangkan di bawah ini) itu diserlahkan se jelas mungkin. Justeru pilihan komponen naratif dan pembangunan cerita didasarkan kepada keperluan ilmu yang ingin diwacanakan, dan bukan didasarkan kepada cerita yang ingin dibangunkan. Inilah yang dimaksudkan oleh PB dengan *epistemic choice*, iaitu pilihan yang berteraskan ilmu.

Dengan menggunakan prinsip *epistemic choice* ini, maka fungsi cerita dengan sendirinya termaklum dengan jelas sebagai wadah ilmu, yakni penyedia laluan untuk ilmu hadir dan membangun secara utuh dan padu. Oleh sebab laluan tersebut disediakan oleh cerita dan komponen cerita, maka ia adalah laluan *kreatif*, berbeza dengan laluan akademik, umpamanya, yang mempunyai tuntutan sendiri, yang tidak menuntut penggabungan watak, peristiwa, episod dan sebagainya. Penjelasan ini menafikan dakwaan atau kekeliruan dalam kalangan sesetengah pihak bahawa PB kononnya menolak atau meminggirkan cerita atau menafikan kehadirannya sama sekali. Bagi PB, kefahamannya tentang cerita adalah jelas. Cerita memang hadir dalam karya kreatif – justeru itulah ia menjadi karya kreatif! – tetapi bentuk kehadirannya, fungsinya dan kedudukannya *dilenturkan* untuk memprioritikan ilmu. Di sinilah terletak anjakan dalam aspek praktis yang dianjurkan PB.

Setelah menjejapkan prioriti ilmu, PB seterusnya menyediakan wacana sebagai mekanisme untuk merealisasikan prioriti tersebut. Penggabungan wacana menawarkan banyak kelebihan bagi urusan penyerlahan ilmu. Ini kerana terangkum dalam amalan-amalan kewacanaan ialah perbincangan, kupasan, huraian, penjelasan, ulasan, keterangan, bahasan, pembuktian, pengukuhan, sanggahan dan amalan-amalan seumpamanya, yang semuanya menawarkan kemungkinan yang cukup luas untuk urusan pembentukan ilmu, idea, pemikiran yang utuh dan jitu. Kehadiran ilmu dalam bentuk wacana inilah yang membezakan karya persuratan berbanding karya sastera yang didakwa kononnya juga menghadirkan ilmu. Di tahap ini konsep wacana itu perlu difahami. MAH (2004, hlm. 54) mendefinisikan wacana seperti berikut:

*Wacana adalah pemikiran berasaskan maklumat yang disaring daripada sejumlah maklumat yang telah dimatangkan oleh pemikiran berasaskan konsep ilmu tertentu...wacana adalah hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu persoalan sehingga dapat dirumuskan ke dalam kesimpulan tertentu.*

Sehubungan dengan ini, kekeliruan yang sering diamati ialah wacana difahami sebagai maklumat. Justeru fakta – termasuklah fakta yang sama, yang boleh sahaja didapati oleh sesiapa saja yang mencarinya – dianggap sebagai ilmu dan diperagakan dalam cerita dalam bentuk yang kasar dan mentah, yakni dengan cara menempelkan maklumat atau fakta tersebut dalam cerita yang dikisahkan, atas andaian kehadiran fakta tersebut secara automatik menjadikan karya berkenaan sebuah karya berilmu atau karya kreatif berilmu (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2008) Wacana menurut PB adalah maklumat-maklumat yang *telah melalui proses pencernaan* sehingga ia hadir sebagai *idea* yang tersendiri hasil daripada renungan dan pencernaan tersebut.

Setelah memahami wacana, perlu pula difahami bagaimana wacana tersebut dihadirkan dalam cerita. Untuk itu PB memperkenalkan konsep *stylization of ideas* atau siratan makna. Sudah barang tentu *stylization of ideas* bukan maklumat yang dilonggok dan ditempelkan dalam cerita. Terangkum dengan padu dalam konsep *stylization of ideas* ini ialah dua perkara. Pertama, keutamaan idea atau ilmu, dan kedua, perlunya idea atau ilmu itu di”stylized”kan. Merujuk kepada perkara keduanya itu, ini bererti wacana, seperti yang didefinisikan oleh MAH di atas, *disulam kemas* atau *disiratkan* ke dalam cerita sehingga kehadirannya tidak dirasakan sebagai satu lencongan yang terasing daripada cerita, tetapi sebagai perkembangan cerita yang wajar, terjalin padu dan bersahaja sifatnya, hatta kandungan wacana tersebut sarat dengan hujahan, bahasan atau ilmu yang mendalam. Di sinilah letaknya peranan cerita sebagai *wadah ilmu* apabila pengungkapan ilmu itu disempurnakan oleh cerita dengan cara halus dan berseni melalui konsep siratan

Berbeza dengan PB, kefahaman lumrah sastera Melayu ialah melihat ilmu dan cerita itu sebagai sinonim. Implikasi daripada kefahaman ini adalah cerita sama tarafnya dengan ilmu, cerita itulah ilmu, dan menyempurnakan tuntutan cerita juga bererti menyempurnakan tuntutan ilmu atau pemikiran. Malah, dalam konteks penghasilan sebuah naratif (karya kreatif) - dengan konotasi ‘cerita’ dalam istilah *naratif* itu - cerita mendominasi ilmu, dan ini diterima sebagai wajar. Ini, umpamanya, dengan mudah dapat dilihat dengan nyata dalam amalan yang menolak apa juga yang berbau atau berbentuk ilmu seperti teknik khutbah. Malah, kefahaman ini dibawa ke tahapnya yang ekstrem apabila ilmu dikatakan tidak boleh hadir langsung dalam karya kreatif, seperti yang pernah disuarakan dengan lantang oleh S. Othman Kelantan (2002): “Pengkaji sastera yang tidak menghasilkan karya kreatif kerap menggembar-gemburkan penulis kreatif perlu menghasilkan karya ilmu. Saya sebagai pengkaji dan penulis kreatif berpendapat sekiranya pengarang mahu menulis ilmu, maka mereka sepatutnya menulis buku ilmu dan bukannya karya sastera”. Dan hakikat bahawa beliau kemudian dinobatkan sebagai Sasterawan Negara menunjukkan bahawa dalam kesusasteraan Melayu Malaysia kefahaman tersebut telah diinstitusikan.

Dengan kerangka PB ini, makalah seterusnya menumpukan perhatian kepada novel *Hsm* selaku karya yang memperlihatkan anjakan dari segi pemikiran kerana penulisnya dikatakan telah berjaya memecah kepompong patriarki dan tidak lagi terbelenggu dengan sifat androsentrik, kesemuanya hasil daripada penerapan teori feminis yang telah mencungkil penemuan tersebut.

### ***Hsm* Sebagai Pemenang Sayembara: Satu Analisis**

Dalam konteks sastera Melayu, soal ideologi patriarki sering mendapat perhatian sama ada dalam novel serius mahupun karya yang dianggap popular atau picisan. Dalam analisisnya tentang dua buah novel Indonesia yang masing-masing dihasilkan di awal Orde Baru dan sesudah kejatuhannya, Watson (2005) berpendapat walaupun 75 tahun memisahkan kedua-dua novel tersebut, namun ideologi patriarki masih mendasari kedua-dua novel berkenaan. Marching (2007) juga mengamati hal yang sama dalam ‘sastera wangi’ Indonesia, yakni karya yang dicirikan oleh garapan dan gambaran eksplisit seks bebas lelaki dan wanita. Marching yang mengkaji novel *Saman* oleh Ayu Utami dan *Jendela-jendela* oleh Fira Basuki menyimpulkan bahawa ideologi patriarki tetap beroperasi dalam novel seperti itu, hatta subjek tabu seks menjadi ungkapannya. Sama seperti di Indonesia, di Malaysia karya sastera yang memenangi peraduan, dan oleh itu diiktiraf dan dianggap sastera serius, juga mengabsahkan hegemoni lelaki, umpamanya melalui perkahwinan muta’ah (Noritah Omar, 2006). Terdapat juga novel yang memanipulasikan hegemoni lelaki ini sebagai rumus untuk urusan penstrukturan novel, dengan itu kehadiran wanita sebagai hamba seks dalam novel berkenaan diajukan sebagai sesuatu yang tidak terelak (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2011, 2012). Hatta dalam novel popular Malaysia sekalipun, perspektif patriarki dikatakan beroperasi apabila watak wanita dipertanggungjawabkan dengan neraca nilai-nilai budaya Melayu (Ruzy Hashim & Shahizah Hamdan, 2010). Berdasarkan pengamatan sedemikian, dakwaan Siti Hajar bahawa Azizi memecah kepompong patriarki melalui novel *Hsm* menjadikan novel tersebut menarik dan wajar dikaji. Dalam menangan *Hsm* sebagai “pemikiran” Azizi yang berjaya melakukan anjakan, dua perkara akan ditinjau, iaitu pertama teknik penceritaannya sebagai sebuah karya kreatif, yang akan ditangani terlebih dahulu, dan kedua kefahaman “pemikiran” yang terserlah dalam novel tersebut. Sebelum analisis ini dilaksanakan, sinopsis novel berkenaan adalah wajar untuk memudahkan fahaman.

*Hsm* mengisahkan pergolakan di Kampung Kertau apabila dimaklumkan tanah sawah kepunyaan penduduk kampung turun temurun akan diambil alih untuk dijadikan projek kolam ternakan. Projek ini bakal dilaksanakan di bawah akta yang mengezetkan tanah sawah mereka untuk tujuan tersebut. Sebagai ganti, pesawah terbabit akan diberi pampasan. Projek ini ditentang oleh seorang balu tua bernama Cah, anaknya Hijrah dan sebahagian besar penduduk kampung. Terlepas bantahan mereka, beberapa jentera kepunyaan pihak projek mula meranapkan sawah sebagai persediaan pengambilalihan itu. Hijrah bertindak menahan pemandu jentera, lalu ditangkap, dimasukkan ke lokap, dan dibebaskan beberapa hari kemudian. Melalui khidmat peguam, Cah, Habibah dan Saad mendapatkan injunksi untuk menghentikan kerja-kerja jentera itu buat sementara waktu. Mereka kemudian dimasukkan ke dalam lokap dan setelah beberapa hari dibebaskan. Tatkala padi sedang menguning dan bakal dituai, jentera meranapkan sawah kepunyaan pesawah tua Pak Kassim. Terkejut dengan kejadian tersebut, dia mengalami serangan jantung dan meninggal beberapa hari kemudian. Di hari kematiannya itu, cucunya Habibah dikahwinkan dengan Hijrah. Satu hari, tatkala seluruh penduduk kampung, kecuali Cah dan Habibah, menghadiri perjumpaan di bandar, lima jentera kembali meranapkan sawah Pak Kassim dan juga sawah Cah. Dengan bersenjatakan parang, Cah

cuba menghalang jentera dengan pelbagai cara termasuklah berguling di tanah sawahnya, bergelumang dengan selut sambil menggenggam erat rumput dan pohon padinya. Dalam keadaan demikian Cah tercucuk lehernya dengan parangnya sendiri, dan dibawa ke hospital. Di hospital Cah diberitahu tanahnya akan diambil alih kerana akta membolehkan projek itu dijalankan. Sulaiman, anak sulungnya yang memang dari mula menggesa ibunya untuk menerima pampasan, gembira dengan perkembangan itu, dan apabila dia menyebut wang pampasan berjumlah RM200,000.00 yang bakal diperolehi, Cah meludah anaknya. Bagi Cah, dia menurut perintah akta, bukan menggadai sawahnya.

Cerita di atas telah dibincangkan oleh Siti Hajar dalam dua kertas kerja berjudul 'Keperkasaa wanita dalam *Harga sebuah maruah*' yang dibentangkan di Program Bicara karya, 23 Jun 2009 dan 'Jiwa raga wanita: memahami dan menyelami pemikiran Azizi Hj. Abdullah dalam novel-novel terpilih' yang dibentangkan setahun lebih selepas itu di majlis penting, iaitu Seminar Pemikiran Azizi Hj Abdullah pada 3 Ogos 2010, yang khusus memperkatakan pemikiran Azizi. Namun, hatta dua tulisannya itu dijarakkan oleh masa, Siti Hajar (2010a, hlm. 18) sendiri menegaskan, "namun pendirian saya tidak berubah terhadap pemikiran Azizi mencipta watak Cah."

Dalam kedua-dua kertas kerja tersebut, pemanfaatan teori feminis untuk merungkai *Hsm* dinyatakan dengan jelas. Abstrak kertas kerja 2010 (2010a, hlm.0), umpamanya, secara tegas menggariskan titik tolaknya:

*Wacana ini bermula dengan dua petikan dari dua (sic) orang sarjana Eropah dan Asia. Helena (sic) Cixous [1976:880], menyatakan "write yourself. Your body must be heard", manakala Kamla Bhasin dan Ninghat (sic) Said, Khan berpendapat, "don't be afraid of feminism, joint (sic) it" [1988:30]. Dua pandangan ini menjadi dasar utama untuk penulisan kertas kerja ini*

Wacana feminisme yang menjadi dasar utama tulisan Siti Hajar secara mudah dapat dirumuskan sebagai menyanggah pandangan yang diyakini lelaki atau ideologi patriarki bahawa atas dasar jantina, yakni *secara semula jadi*, kedudukan wanita lebih rendah daripada lelaki, yang dikatakan lebih superior daripada wanita dalam segala hal. Menurut ideologi patriarki ini, wanita adalah lemah, emosional, tidak objektif, tidak tegas, serta sifat-sifat negatif seumpamanya -- "setengah lelaki" menurut wacana feminisme -- yang bergantung kepada lelaki untuk kehidupan, kebahagiaan dan identitinya, yang bukan saja rela berkorban untuk suami dan anak-anak tetapi meraih kebahagiaannya daripada pengorbanan tersebut<sup>1</sup>. Feminisme menolak fahaman patriarki ini, dan dengan memanfaatkan teori feminis Siti Hajar (2009, hlm5) menghujahkan bahawa Azizi telah keluar daripada kepompong patriarki, kerana membebaskan Cah daripada stereotaip tersebut. "Saya yakin menerusi novel *Hsm* ini Pak Azizi telah meneggelamkan (sic) amalan patriarki yang selama ini melihat wanita sebagai lemah dan seterusnya mengubah definisi patriarki yang selama ini menyifatkan, *patriarchal thought*

---

<sup>1</sup> Untuk hujah balikan (*counter argument*) kepada patriarki, yakni tentang identiti gender sebagai konsep yang tidak stabil atau tidak statik tetapi berubah, tertakluk kepada situasi dan bukan semula jadi, seperti yang terserlah dalam wacana kepengurusan, lihat Kesumawati A Bakar, 2005.

*has limited female biology to its narrow specifications*” (pemikiran patriarki telah membataskan biologi wanita kepada spesifikasinya yang sempit – terjemahan saya). Inilah “pemikiran” Azizi yang telah berjaya melakukan anjakan.

Pengamatan Siti Hajar bahawa “pemikiran” Azizi telah keluar dari kepompong patriarki itu jelas disandarkan kepada cerita Cah dan rebah bangun kisahnya, yakni kepada gerak lakunya yang membelai pokok padinya, yang memberontak, yang meludah Sulaiman, yang berguling-guling dalam sawah dan sebagainya<sup>2</sup>. Malah dalam merumuskan pengamatannya itu, Siti Hajar (2009, hlm.5) menyenaraikan sifat Cah yang berjumlah 18 semuanya. Sebagai contoh, sifat pertama dalam senarai tersebut ialah seperti berikut:

1. Pembuat keputusan [*decision maker*] – Cah mengatur rancangan untuk diadakan perjumpaan orang-orang K(sic)ampung untuk menentang rancangan Pak Long Derani. Cah berpakat dengan Azmi bermesyuarat di rumahnya atas nama “jeritan maruah mak” [hlm. 98]

Dalam contoh di atas, rumusan bahawa Cah adalah pembuat keputusan disandarkan kepada tindakan Cah mengatur rancangan perjumpaan dan berpakat dengan Azmi. Ini menunjukkan bahawa apa yang diperikan sebagai “pemikiran” Azizi itu diraih sepenuhnya daripada cerita, atau dibaca daripada cerita Cah. Dengan kata lain, cerita itu disamakan dengan “pemikiran”, atau cerita dan “pemikiran” itu sinonim. Sehubungan dengan ini, adalah penting diajukan soalan: wajarkah pengisahan sebuah cerita diajukan sebagai “pemikiran”? Lebih daripada itu, wajarkah bentuk “pemikiran” sedemikian diterima sebagai satu anjakan? Interpretasi seperti ini jelas sekali ditolak oleh PB yang membezakan ilmu dan pemikiran daripada cerita. Ternyata teori feminis yang diterapkan oleh Siti Hajar membenarkan kefahaman yang mensenyawakan cerita dengan pemikiran.

Seterusnya, hujah Siti Hajar (2010a, hlm.6) tentang keistimewaan Cah yang melebihi watak-watak lain dalam kesusasteraan Melayu perlu diberi perhatian, kerana sebagai takungan “pemikiran” Azizi keistimewaan Cah ini perlu difahami dengan tepat. Sehubungan dengan itu, kutipan di bawah ini penting:

*Sememangnya Cah tidak sama dengan Sangeetha, Cah juga tidak sama dengan Jeha, Cah juga tidak sama dengan Tijah isteri Dali dalam (sic) novel Jalur Sinar Di Celah Daun karya Zaharah Nawawi, Cah juga tidak sama dengan Sofea watak utama dalam novel Isteri karya Rosmini Shaari, Cah juga tidak sama dengan watak Athilah dalam Cinta Penyerahan dan Tragedi karya bersama Hamidah Kamaruddin dan Zaharah Nawawi, Cah juga tidak sama dengan watak Jamilah dalam novel Perempuan Di Lereng Bukit nukilan Siti Hawa Hassan, Cah juga tidak sama dengan watak Datin Zakiah dalam novel Menongkah Lumrah karya Azmah Nordin, Cah juga tidak sama dengan watak Maria menerusi novel Salam Maria karya Fatimah Busu, mahupun Maria dalam novel Ayat-ayat Cinta nukilan Habiburrahman El Sirazy, Cah juga tidak sama dengan Mazni watak utama novel Badai Semalam karya Khadijah Hashim. Demikianlah*

---

<sup>2</sup> Untuk aspek berbeza, yakni wanita mendiamkan diri (*silent*) sebagai bentuk protes dan kekuatan, lihat Wan Roselezam Wan Yahya, 2003.



*watak Cah di tangan Azizi Hj Abdullah, cukup istimewa, unik, tangkas, cecal, kental, berani, bersemangat waja mempertaruhkan hanya pengalaman untuk mengerjakan sawah dan mempertahankan tanah bendangnya yang hanya sekangkang kera.*

Pemerian keistimewaan Cah seperti di atas mengundang soalan: adakah ulangan yang sedemikian itu perlu? Tidakkah Siti Hajar juga terbawa-bawa oleh teknik perulangan yang banyak ditemui dalam novel *Hsm* itu sendiri, yang juga mengingatkan kita kepada teknik penceritaan Shahnnon Ahmad, yang diakui oleh Azizi sebagai “gurunya?” Lebih penting daripada cara retorikal yang digunakan itu, Siti Hajar sebenarnya telah membuat satu dakwaan yang cukup besar, yang dalam konteks tulisan ilmiah wajar dipertanggungjawabkan. Namun pembaca ditinggalkan sama ada untuk menerima begitu sahaja kata-kata Siti Hajar *seperti adanya* itu, atau memikirkan sendiri apakah bezanya Cah berbanding dengan watak lain, atau menginterogasi kenyataan Siti Hajar tersebut, seperti yang akan dilakukan oleh makalah ini.

Pemerian di atas meletakkan watak Cah lebih hebat daripada watak lain yang dihasilkan oleh penulis lain termasuk yang mapan seperti Shahnnon Ahmad dan Zaharah Nawawi. Adakah dakwaan ini benar dan berasas? Daripada segi cerita, konteks perjuangan Tijah, protagonis wanita dalam novel Zaharah Nawawi *Jalur sinar di celah daun* ternyata jauh lebih getir dan mencabar. Tidak seperti Cah yang tidak berjuang sendirian kerana dibekalkan oleh Azizi dengan sistem sokongan (*support system*) yang cukup ampuh berupa anak, menantu, jiran tetangga, malah seluruh penduduk kampung Kertau melainkan dua tiga orang yang menentang, Tijah dinafikan sistem sokongan ini sama sekali apabila Zaharah mengasingkannya bersama anak kecilnya ke satu daerah pedalaman, menafikan pertolongan jiran yang perlu pulang ke kampung kerana bersalin, dan menghadirkan serangan monyet dan pelbagai cabaran lain, yang kesemuanya dihadapi oleh Tijah seorang diri tanpa sistem sokongan (Ungku Maimunah,1998). Seterusnya, tidak seperti Cah yang akhirnya gagal mempertahankan sawahnya, Tijah sebaliknya berjaya dan kebun jagungnya mengeluarkan hasil yang lumayan. Begitu juga dengan perjuangan Mazni, protagonis wanita muda novel Khadijah Hashim, *Badai semalam*.

Secara sendirian Mazni mengharungi pelbagai dugaan – kemiskinan, kehilangan ibu kandung, menjadi mangsa fitnah, diperlakukan oleh suami yang bertukar menjadi mata keranjang dan sebagainya – yakni konteks perjuangan yang cukup getir, yang diperhebatkan dengan meniadakan sistem sokongan. Namun, seperti Tijah, Mazni tidak tewas tetapi berjaya. Malah, untuk memperkukuhkan peribadi Mazni yang cecal dan berani, di akhir cerita Mazni malah menolak tawaran pertolongan sahabat karibnya, Zaki, untuk membuktikan kemampuannya berdikari. Berdepan dengan bukti-bukti ini, ternyata dakwaan bezanya Cah yang dikatakan hebat itu terletak bukan pada kekentalan, keberanian dan kegigihannya kerana Tijah dan Mazni tidak kurang mempunyai sifat tersebut, tetapi pada ketewasannya! Mungkin boleh diajukan bahawa dua novel yang diperkatakan itu dinukilkan oleh penulis wanita dan oleh itu tidak boleh dijadikan dasar perbandingan, walaupun dua novel berkenaan disebut sendiri oleh Siti Hajar. Jika demikian halnya, novel Shahnnon Ahmad *Seluang menodak baung*, tidak kurang menyerlahkan kegigihan dan keberanian Piah, isteri Salam. Hatta bukan protagonis tetapi

watak sampingan, kedudukan Piah sangat penting dalam konteks perjuangan yang diceritakan kerana keputusannya yang membawa kepada kejayaan perjuangan tersebut apabila Piah yang sarat mengandung melahirkan anak menghalang suaminya memukul anak sulung mereka Suman dengan kayu api. Piah juga mengetepikan larangan suaminya dan menyokong anaknya supaya turut serta dalam demonstrasi, yang seterusnya membawa kemenangan (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1998, hlm. 206-224.) Sekali lagi, tidak seperti Cah, Piah dengan kekentalannya berjaya seperti Tijah dan Mazni. Ternyata, jika dibandingkan dengan tiga watak yang disebut itu, bezanya Cah ialah dia gagal dalam perjuangannya. Tidak dinafikan apa yang ingin diketengahkan oleh Azizi, seperti juga Zaharah, Khadijah dan Shahnon, ialah kekentalan dan keberanian berjuang, dan ini memang jelas dalam semua empat watak berkenaan; namun tidak dapat dinafikan juga bahawa perjuangan Tijah, Mazni dan Piah mencapai kemuncaknya, iaitu kejayaan mereka. Kejayaan ini tidak ada pada perjuangan Cah. Sesungguhnya perkara ini disedari sendiri oleh Siti Hajar (2009, hlm. 9) yang secara terus terang mengaku terkilannya beliau dengan penutup novel ini yang dikatakan “anti-klimaks” dan menyarankan agar cerita diberhentikan di halaman 366-367 apabila luka di leher Cah disedari dan dia dibawa ke hospital, yakni sebelum pengambilalihan sawah menjadi muktamad. Ternyata teori feminis yang gunakan Siti Hajar bukan sahaja tidak mampu untuk menjelaskan dakwaannya dengan bukti kukuh demi memberi kefahaman kepada pembaca bagaimana Cah berbeza, malah analisis tentang tiga watak lain itu dapat menyanggah hujah Siti Hajar itu sendiri. Ini kerana hujah tersebut sebenarnya hadir sebagai sebuah retorik semata.

Beralih kepada perspektif lain, pengamatan berjayanya Azizi keluar daripada kepompong patriarki adalah hasil penerapan teori feminis yang digunakan oleh Siti Hajar. Sehubungan dengan itu, kita terpanggil untuk bertanya: adakah teori feminis diperlukan untuk menyerlahkan penemuan tersebut. Atau, mengungkapkannya dengan cara yang sedikit berbeza, adakah feminisme sahaja yang mampu mencungkil penemuan tersebut? Analisis menunjukkan sebaliknya. Dengan menggunakan teori feminis, Siti Hajar menyimpulkan penemuannya bahawa Cah kuat, positif dan dinamik. Analisis menunjukkan tanpa teori feminis, malah hanya dengan berbekalkan bacaan di tahap harfiah sahaja, rumusan yang sama dapat dicungkil dan diketengahkan. Ini kerana perwatakan Cah yang positif dan dinamik itu disampaikan oleh Azizi melalui teknik yang dalam konteks penstrukturan naratif dianggap tua, mundur dan tidak sofistikated, iaitu teknik “memberitahu” (*telling*.) Bukti dalaman (*internal evidence*) teks menunjukkan seawal halaman 13 lagi Azizi telah memberitahu melalui Cah sendiri dan juga watak lain bahawa Cah adalah watak positif, “...dia tidak sangka dia akan jadi wira tua”, dan “[...] dia pula menjadi orang pertama berani bercakap”. Ini kemudian diperkukuhkan di beberapa tempat sepanjang novel tersebut seperti di halaman 23, “Tak disangkanya dia tiba-tiba jadi berani.” dan “Cah semakin berani”, di halaman 43, “Derani sungguh hairan kenapa Cah tiba-tiba bersifat begini. Dulu tidak”, dan di halaman 46, “Kadang-kadang berasa pelik juga dirinya ini. Dulu tidak, tetapi sejak kematian suaminya, dia menjadi orang pemikir dan peramal” (sifat pemikir dan peramal ini tidak pula tercatat dalam senarai Siti Hajar yang berjumlah 18 itu walhal ia *diberitahu* oleh Azizi sendiri, dan diungkapkan dengan jelas oleh watak berkenaan pula. Adalah aneh teori feminis yang diterapkan itu tidak mampu mencungkil perkara yang dihidangkan secara jelas, langsung

dan di tahap harfiah pula) Tegasnya, teknik “memberitahu” ini kerap digunakan dalam *Hsm*. Justeru, tidak ada kekaburan atau kekeliruan bahawa Cah adalah watak positif dan dinamik, dan ini dapat difahami di tahap harfiah semata, tanpa menggunakan apa-apa teori, tidak juga teori feminis, tetapi dengan bacaan biasa saja, atau dengan menggunakan “*common sense*” (untuk meminjam istilah MAH.)

Di samping teknik “memberitahu,” Azizi juga memanfaatkan teknik yang walaupun dianggap lebih “maju” daripada “memberitahu” tetap tergolong sebagai teknik mundur iaitu teknik “menunjukkan” (*showing*). Malah teknik ini dimanfaatkan dengan lumayan apabila dilihat betapa dominannya peristiwa, perincian dan pemerian dalam *Hsm*, yang penggunaannya banyak menghasilkan babak-babak ala “menunjukkan”. Cah “ditunjukkan” berguling-guling dalam selut, menggenggam pokok padinya dengan erat dan sebagainya, dan melalui teknik “menunjukkan” ini Cah boleh “dibaca” sebagai watak positif yang sayangkan sawahnya, berani pertahankannya dan cecal memegang amanah, iaitu bacaan yang boleh dilaksanakan di tahap harfiah sahaja melalui bacaan *common sense* tanpa perlu penerapan apa-apa teori termasuklah teori feminis.

Beralih kepada persoalan lain pula, adakah gambaran Cah sedemikian, yang dilihat sebagai bukti terkeluarnya Azizi dari kepompong patriarki itu, satu anjakan yang benar-benar menguja? Satu perkara yang mungkin perlu diingat apabila meletakkan gambaran Cah itu sebagai satu anjakan ialah soal konteks novel itu ditulis. Novel tersebut adalah entri untuk peraduan bagi perayaan Jubli Emas DBP, satu detik bersejarah, bukan saja bagi DBP, tetapi bagi kesusasteraan Melayu juga, memandangkan DBP, seperti yang dimaklumi umum, memegang amanah untuk meningkatkan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Konteks tersebut dengan sendirinya mengundang supaya karya yang dihasilkan itu menyerlahkan sifat-sifat positif dan dinamik. Di samping itu, sayembara tersebut ada menjelaskan tujuannya, yang diwar-warkan dengan perkataan seperti “berdaya saing, liberal, progresif.” dan juga “mempunyai nilai-nilai moral dan etika yang tinggi.” (Zalila Sharif, 2007), yang kesemuanya boleh dibaca sebagai “tuntutan” sayembara yang secara tersurat dan tersirat telah “ditetapkan.” Dalam keadaan sebegini tidak hairanlah Cah adalah watak positif; malah akan menghairankan sekiranya protagonis novel tersebut bersifat sebaliknya. Atau dengan kata lain, tentulah kurang bijak Azizi atau sesiapa jua yang menyertai sayembara itu sekiranya mereka, setelah memilih protagonis mereka sama ada wanita atau lelaki, melengkapkannya dengan sifat lemah dan negatif. Justeru, dakwaan tampilnya Cah sebagai watak dinamik adalah bukti terpecahnya kepompong patriarki yang lantas menghasilkan anjakan, adalah satu hujah yang sangat goyah dan sukar diterima.

Sehubungan dengan di atas, Siti Hajar (2010a, hlm. 4-5) membuat pengamatan: “Lazimnya wanita jarang mendapat tempat sebagai watak utama dalam kalangan penulis lelaki, jika adapun watak wanita beraksi sebagai watak sampingan. Mungkinkah Azizi Hj Abdullah sama seperti pengarang lelaki yang lain yang meminggirkan wanita dalam karya?” Bagi Siti Hajar, Azizi jelas tidak seperti penulis lelaki lain kerana beliau menengahkan Cah dalam *Hsm*. Perlu diingat bahawa sebelum ini Azizi sebenarnya memang pernah menempatkan wanita sebagai watak utama seperti Miah dalam *Melukut kota*, Hayati dalam *Bila hujan malam* atau Ustazah Rohani dalam *Sami Mekong* dan

sebagainya, tetapi ini adalah watak rendah yang rata-rata dikaitkan dengan seks, sesuai dengan kehadiran mereka dalam karya berbentuk picisan. *Hsm* adalah pemenang sayembara berprestij, dan sesuai dengan konteks kelahirannya, Cah adalah watak positif dan dinamik. Namun, dalam membuat dakwaan tentang keistimewaan Azizi memilih protagonis wanita dan memperkasakannya ini, perlu diingat bahawa dunia sastera Melayu mempunyai *Hikayat Faridah Hanum* tulisan Syed Sheikh Al-Hadi (1925/26) yang dianggap novel Melayu pertama, dan juga *Iakah Salmah?* (1928) tulisan Ahmad Rashid Talu. Dan kedua-dua watak ini diterima oleh dunia sastera Melayu sebagai watak dinamik, positif, progresif dan moden. Justeru, kalau *setakat* menjadikan wanita sebagai protagonis positif dan dinamik itu dianggap satu anjakan, maka Syed Sheikh Al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu telah melakukan anjakan ini lebih setengah abad yang lalu, jauh sebelum sastera Melayu kenal teori feminis atau istilah seperti *gynocriticism*, feminis humanisme dan sebagainya. Malah kedua penulis tersebut bukan *setakat* mengambil wanita sebagai protagonis dan memperkasakan mereka, tetapi nama wanita diberi penghormatan untuk menjadi judul novel mereka. Cah, sebaliknya, tidak diberi penghormatan seperti itu oleh Azizi.

Keghairahan terhadap teori feminis seperti yang diperlihatkan oleh dua buah makalah Siti Hajar itu mengundang beberapa soalan yang wajar diajukan, terutama apabila ia melibatkan soal penilaian dan pengiktirafan (jika ia dikaitkan dengan sayembara, seperti halnya dengan novel *Hsm*.) Berkaitan makalah Siti Hajar tersebut, perlukah kita berhempas pulas dengan ism-ism yang sukar, falsafah yang mengelirukan, jargon yang aneh, dan sebagainya hanya untuk mengetengahkan suatu “penemuan” yang belum tentu tepat dan telah berlaku adil kepada konteks kita yang berbeza agama dan budaya berbanding konteks teori feminis itu dikonsepsikan, dihayati dan diamalkan? Atau, jika penemuan itu *memang* tepat, mengapa perlu berhempas pulas apabila bacaan biasa pun boleh memberi pulangan “penemuan” yang sama? Ternyata, tidak terbukti bahawa penerapan teori feminis itu telah meningkatkan fahaman dan memberi wawasan baru yang menguntungkan kesusasteraan Melayu. Malah analisis jelas menunjukkan teori feminis yang diterapkan oleh Siti Hajar itu sebenarnya adalah tidak perlu (*superfluous*). Ini mengingatkan kita kepada judul drama Shakespeare “Much Ado About Nothing.”

### **Kata Penutup**

Analisis di atas menunjukkan penerapan teori feminis untuk urusan rungsaian *Hsm* jelas tidak diperlukan. Ternyata penemuan yang diperolehi melalui penerapan teori feminis itu dengan mudah boleh dicapai melalui bacaan biasa di tahap literal atau harfiah sahaja, dengan itu menjadikan penggunaan teori feminis tidak relevan. Begitu juga, dakwaan tentang anjakan yang Azizi lakukan melalui *Hsm*, yakni dakwaan atau penemuan yang dimungkinkan oleh penerapan teori feminis, jelas tidak dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Malah, dalam banyak hal penemuan yang diajukan itu dibuktikan bukan sahaja goyah tetapi dapat disanggah dengan mudah. Sejajar dengan itu juga, dakwaan keistimewaan *Hsm* rata-rata disandarkan kepada kefahaman tentang ilmu dan pemikiran yang tidak terangkat daripada tahap cerita yang literal, yakni kefahaman yang diwajibkan oleh teori feminis yang digarap. Ini semua membenarkan tesis makalah ini bahawa penerapan teori feminis bagi urusan rungsaian teks, seperti halnya dengan novel *Hsm*

sebagai satu kajian kes, sering membuahakan tulisan yang sarat dengan retorik tetapi langka daripada segi hujah ilmiah yang substantif.

### Rujukan

- Al-Qur'an Al-Karim. (2008). *Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Azizi Haji Abdullah. (2007). *Harga sebuah maruah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kesumawati A Bakar. (2005). Re-examining femininity - The voices of leadership in management meeting discourse. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 5 (1), 1-36
- Marching, Soe Tjen. (2007). The representation of the female body in two contemporary Indonesian novels: Ayu Utami's *Saman* and Fira Basuki's. *Jendela-jendela. Indonesia and the Malay World*, 35(102), 231-245.
- Mohd. Affandi Hassan. (2012). Gagasan Persuratan Baru. (Atas talian) Muat turun 14 Jun 2012, dari <http://pbaru.blogspot.com/2010/06/gagasan-persuratan-baru-dan-hakikat.html>
- Mohd. Affandi Hassan. (2010). Mengembalikan peranan ilmu yang benar dalam persuratan Melayu. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.), *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis (2010)*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). *Gagasan persuratan baru: Pengenalan dan penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994). "Mengapa saya menulis *Aligupit*." Dewan masyarakat, September.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani, (2010). Ilmu dan penjanaan ilmu dalam novel *Melati Kota Bharu* karya A. Kadir Adabi: satu bacaan intelektual. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.), *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis (2010)*. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2004). *Seksualiti dalam novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan persuratan baru*. Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh ijazah Doktor Falsafah, Tesis Doktor Falsafah, 2004, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noridah Omar. (2006). Colonialism and Malay masculinity: Malay satire as observed in the novel. *Kawin-kawin, Sari*, 24, 107-120.
- Rahmah Ahmad Othman. (2010). Sejarah tradisi sastera Arab dan Islam: fokus kepada sastera sebagai sumber ilmu. Dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.), *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis (2010)*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruzy Suliza Hashim & Shahizah Ismail Hamdan. (2010). Facets of women in Malay romance fiction. *Kunapipi, Journal of Postcolonial Writing & Culture*, 32(1/2), 67-88.
- S. Othman Kelantan. (2002). Berita Harian. Godam: Kemelut Anugerah Sastera Negara. (Atas talian) Muat turun 9 April 2012, dari [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Godam\\_KemelutAnugerahSasteraNegara/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Godam_KemelutAnugerahSasteraNegara/Article/).
- Sayembara mengarang novel dewasa sempena perayaan jubli emas DBP. (2005). *Dewan sastera*, Mei.
- Siti Hajar Che Man. (2010a). Jiwa raga wanita: Memahami dan menyelami pemikiran Azizi Hj Abdullah dalam novel-novel terpilih. *Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sg. Petani, Kedah, 3 Ogos*.
- Siti Hajar Che Man. (2010b). Constructing a theory on women's soul and mind: An early concept of independent self-theory. *Malay Literature*, 23(1), 18-30.
- Siti Hajar Che Man. (2009). Keperkasaan wanita dalam Harga sebuah maruah. *Kertas kerja yang dibentangkan di Majlis Bicara Karya, Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Baling, 23 Jun*.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei kritikan feminis dalam kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). Wanita sebagai objek seks: Penanganannya dalam novel *Bila Hujan Malam*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 539-553.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2011). Women as Sex Objects in Azizi Haji Abdullah's Novel *Bila Hujan Malam: A Critical Appraisal*. *Asiatic*, 5(2), 61-78.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010a). Takrif dan pemahaman “ilmu” dalam tradisi sastera barat.” Dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.), *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis* (2010). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010b). Cerita: kedudukan dan peranannya dalam karya kreatif penulis wanita sebelum merdeka. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(2), 117-131.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir.(2009). *Dinamika pemikiran sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir.(2008). *Salam Maria* daripada perspektif persuratan baru. Dlm Mohd. Affandi Hassan et al., (pnyt.), *Gagasan persuratan baru: Pengenalan dan penerapan* (2008). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1998). *Antara kampung dan kota: Rural bias in the novels of Shahnnon Ahmad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Roselezam Wan Yahya. (2003). Female silence in K S Maniam’s play *The sandpit: a monologue*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 3(2), 1-17.
- Watson, C W. (2005). *Plus ça change ... ? A comparison of two Indonesian feminist novels: Suwarsih Djojopuspito's Maryati and Istiah Marzuki's Sundus*. *Indonesia and the Malay World*, 33(95), 67-85.
- Zalila Sharif. (2007). *Laporan sayembara mengarang sempena sambutan jubli emas DBP*. Dewan Sastera, Mac.

## Penulis

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Ph.D) ialah Profesor dan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah Kritikan Sastera, Teori Sastera, Teori Kritikan dan Sastera Bandingan. Beliau kini berusaha untuk memantapkan anjakan baru dalam kritikan sastera Melayu, khususnya melalui gagasan Persuratan Baru.